

# Feki 2016 terap elemen 4C

**BATU PAHAT** - Bagi menggabungkan teknologi dan pembelajaran, Kolej Perwira Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan Festival Kreativiti dan Inovasi (Feki 2016) bertujuan menajamkan empat elemen penting seperti yang digariskan World Economic Forum, iaitu Critical Thinking & Problem Solving, Communication, Collaboration dan Creativity (4C).

Tokoh yang juga bekas Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, dengan menguasai ele-

men berkenaan, setiap pelajar akan mampu berucap atau berkongsi ilmu secara bersahaja.

Menurutnya, dalam masa sama mereka yang hadir dalam pengisian majlis ilmu seperti ini tidak tertekan seperti menghadiri kuliah yang mempunyai tugas dan peperiksaan, kerana ia lebih santai.

"Saya berharap program yang menerapkan elemen 4C ini dapat diteruskan, sambil berkongsi ilmu pengetahuan ia akan menajamkan pemikiran kita kerana lebih kepada perkongsian pandangan," katanya.



Pelajar menunjukkan salah satu ciptaan pada program berkenaan.